

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

80,336 individu sudah terima vaksin

Jumlah penerima suntikan dos letak Malaysia pada kedudukan 68 di dunia

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Muhammad Yusri Muzamir
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Seramai 80,336 individu sudah menerima vaksin dalam fasa pertama Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, dengan jumlah tertinggi adalah di Sarawak.

Rekod setakat pagi semalam menunjukkan 13,691 orang sudah menerima suntikan itu di Sarawak, diikuti Kuala Lumpur (8,505), Perak (7,757), Kelantan (7,725), Pahang (7,415), Johor (6,454), Terengganu (4,566), Kedah (4,388), Selangor (4,276), Negeri Sembilan (3,101), Pulau Pinang (2,914), Melaka (2,752), Sabah (1,888), Labuan (1,789), Perlis (1,598) dan Putrajaya (1,507).

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin yang juga Pengerusi Bersama Jawatankuasa Jaminan Akses Vaksin (JKAV) merangkap Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, berkongsi maklumat direkodkan JKAV itu menerusi cipapan dalam akaun Twitter rasmi beliau, semalam.

Turut berkongsi perkembangan

berkenaan adalah Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba yang memaklumkan jumlah penerima suntikan dos pertama vaksin Comirnaty keluaran Pfizer-BioNTech itu meletakkan Malaysia pada kedudukan 68 di dunia bagi program vaksinasi COVID-19 setakat pagi semalam.

"Sebanyak 271.86 juta dos vaksin sudah disuntik kepada rakyat di seluruh dunia dengan Amerika Syarikat kini mendahului senarai selesa berjaya menyuntik 80.54 juta dos. Ia disusuli China yang sudah memberikan sebanyak 52.5 juta dos vaksin, manakala Kesatuan Eropah (EU) pula sejumlah 35.64 juta dos.

"United Kingdom (UK) dengan 21.6 juta dos dan India dengan 16.31 juta dos," katanya pada sidang media majlis pelancaran buku 'Impak COVID-19 Terhadap Insan' terbitan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang dilangsungkan secara maya, semalam.

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan dilaksanakan menerusi tiga fasa, bermula dengan kumpulan barisan hadapan, disusuli kumpulan berisiko tinggi dan rakyat berusia 18 tahun ke atas. Ia bagi memastikan antara 70 hingga 80 peratus penduduk menerima vaksin menjelang Februari 2022, sekali gus membentuk imuniti kelompok bagi menghalang penularan COVID-19.

Fasa 1 program itu membutkan 500,000 petugas barisan hadapan yang bermula 24 Februari



Sebanyak 271.86 juta dos vaksin sudah disuntik kepada rakyat di seluruh dunia.

Dr Adham Baba,
Menteri Kesihatan

lalu hingga April ini, manakala Fasa 2 membabitkan 9.4 juta orang dalam perkhidmatan penting, warga emas dan kumpulan berisiko tinggi dengan penyakit kronik yang dijadual antara April hingga Ogos depan. Fasa 3 dijadual dari Mei hingga Februari 2022, menyasarkan 13.7 juta rakyat berumur 18 tahun ke atas.

Malaysia menerima bekalan vaksin pertama pada 21 Februari lalu dengan ketibaan 312,390 dos vaksin Pfizer-BioNTech, disusuli bekalan pertama vaksin Sinovac keluaran China yang tiba pada 27 Februari dalam bentuk cecair 200 liter dan boleh diproses menjadi lebih 300,000 dos untuk keperluan penduduk di negara ini.

Pada 13 Januari lalu, Pharnexa Logistics Sdn Bhd yang menguruskan vaksin berkenaan mengumumkan menandatangani

perjanjian dengan Sinovac untuk membotol dan mengedarkan 14 juta dos vaksin secara berperingkat yang akan melindungi 22 peratus penduduk di Malaysia.

Selain Sinovac dan 12.8 juta dos Pfizer-BioNTech, Malaysia juga dijangka memperoleh vaksin AstraZeneca-Oxford (6.4 juta dos), CanSinoBIO (3.5 juta dos), Sputnik V (6.4 juta dos) dan Fasiliti COVAX (6.4 juta dos), yang keseluruhan mampu meliputi 82.8 peratus populasi rakyat Malaysia.

Mengenai larangan perjalanan rentas negeri, Dr Adham berkata, ia masih dikuatkuasakan walaupun semua negeri kini di bawah pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan PKP Pemuliharan (PKPP) kerana data KKM menunjukkan masih banyak kluster membabitkan jangkitan rentas negeri direkodkan sejak hujung September lalu hingga sekarang.

"Di Kedah, sebanyak 663 kes direkodkan akibat rentas negeri antara 1 Januari hingga 1 Mac lalu, kebanyakannya berpunca dari Pulau Pinang dan Selangor. Di Perak pula, kes (jangkitan) akibat rentas negeri paling tinggi berpunca dari Selangor dan Pulau Pinang, masing-masing mewakili 37 peratus dan 24 peratus daripada keseluruhan kes jangkitan."

"Negeri Sembilan, Terengganu, Pahang, Kelantan, Melaka Johor, Sarawak, Perlis, Pulau Pinang, Labuan dan Selangor pun terbabit dengan kes akibat rentas negeri," katanya.

Penuntut dikecuali fi saringan

Putrajaya: Kerajaan bersetuju mengecualikan fi atau bayaran ujian pengesahan COVID-19 bagi penuntut warga Malaysia yang melakukan ujian di fasiliti Kementerian Kesihatan (KKM), kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba.

"Selaras dengan usaha kerajaan mengekang penularan COVID-19, semua penuntut perlu menjalani ujian pengesahan COVID-19 sebelum memulakan sesi pengajian. Maka, kerajaan akan menanggung semua kos ujian," katanya yang menganggarkan kos bagi tujuan itu sebanyak RM2.79 juta.

Bercakap pada sidang media selepas melancarkan buku *'Impak COVID-19 Terhadap Insan'*, terbitan Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) secara maya semalam, beliau berkata, dianggarkan 18,600 penuntut memulakan sesi pembelajaran fizikal secara berperingkat di Sabah, Sarawak dan Semenanjung, bermula 1 Mac lalu.